

PAS bawa isu Kg Baru ke global jika Putrajaya 'berdegil'
The Malaysian Insider
28 September , 2011
Oleh G Manimaran dan Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 28 Sept — PAS akan membawa perkara isu kedudukan Kampung Baru di ibu negara ke peringkat antarabangsa jika kerajaan terus berdegil tidak mahu memulihara Kampung Baru sebagai khazanah warisan Melayu, kata Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub.

"Jika kerajaan terus bersikap keras kepala dengan keengganannya untuk memulihara Kampung Baru sebagai khazanah warisan Melayu, banyak lagi yang akan dilakukan dalam pelan tindakan bersama-sama Sekretariat Pembangunan Kampung Baru (SPKB) termasuk membawa perkara itu ke peringkat dunia dan bukan setakat isu nasional sahaja," kata Salahuddin (gambar).

Bukan setakat perjuangan demi mengekalkan warisan bangsa Melayu yang semakin pupus, tegas beliau sambil memberitahu, "tetapi kami yang terlibat membantu bantahan penduduk Kampung Baru terhadap Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru 2010 menyifatkan perjuangan itu sebagai perjuangan peribadi kami sehingga dapat diselamatkan Kampung Baru sebagai khazanah warisan Melayu."

Menurut Salahuddin, para pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru menyifatkan kandungan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru 2010 jelas cuba memanipulasi mereka dan mereka membantah dengan menaikkan kain rentang di rumah-rumah mereka.

Hasilnya, bacaan kedua rang undang-undang berkenaan telah ditangguhkan pada sesi Mac 2011.

"Tetapi, jika kerajaan terus berdegil dan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampung Baru 2010 akan dibaca bagi kali kedua di peringkat jawatankuasa, PAS dan SPKB akan menggunakan semua saluran yang sah di sisi undang-undang untuk mempertahankan Kampung Baru sebagai khazanah warisan Melayu," kata beliau dalam satu kenyataan.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian juga kesal dengan kegelojohan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang melihat Kampung Baru dari sudut keuntungan komersial dan ekonomi semata-mata.

"Pemuliharaan warisan bangsa tidak sepatutnya ditangani secara komersial tetapi ia adalah tanggungjawab sosial kerajaan untuk memulihara warisan bangsa.

"Jika perkampungan Portugis di Ujong Pasir, Melaka boleh dipulihara, mengapa kerajaan BN menunjukkan sikap yang luar biasa rakus terhadap Kampung Baru yang menjadi khazanah warisan Melayu?" kata beliau.

Beliau mengingatkan kerajaan supaya jangan terus mengabui mata orang-orang Melayu dengan apa yang didakwa sebagai persetujuan sebahagian mereka yang telah mengembalikan borang referendum yang diedar oleh kerajaan kepada mereka.

"Jangan gunakan suara minoriti untuk menekan pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru

supaya tunduk dan menyerah kalah kepada taktik pulas tangan kerajaan (Datuk Seri) Najib (Tun Razak),” katanya.

Salahuddin menyifatkan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin tidak bersikap jujur kepada pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru.

Menurut beliau, borang referendum itu diedarkan pada Jun 2011 oleh kementerian dengan janji bahawa ia akan dijadikan asas utama untuk menentukan sama ada Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Baru 2010 akan diteruskan.

“Pada 17 September menteri mengumumkan sekali lagi bahawa bacaan kali kedua akan diteruskan pada sesi Parlimen kali ini.

“Bagaimanapun beliau langsung tidak menyatakan perkembangan referendum yang telah dijalankan,” katanya.

The Malaysian Insider

Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bawa-isu-kg-baru-ke-globa-l-jika-putrajaya-berdegil/>